

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 16 Mac 2021 12:05 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MAHASISWA TIMBA ILMU PEMBUATAN KRAFTANGAN



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


16 MAC 2021 / 2 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Abdul Munir Johari

Gambar oleh: Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD)

MAHASISWA TIMBA ILMU PEMBUATAN KRAFTANGAN



UUM ONLINE: Perbadanan Kraftangan Perlis telah berkongsi ilmu pengetahuan mengenai pembuatan kraftangan bersama pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD), M Shahadat Ali Nordin berkata, melalui perkongsian itu Perbadanan Kraftangan sentiasa memperbaharui modul pembelajaran dan memberi peluang kepada individu yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang peranan dan peluang yang mereka boleh perolehi daripada Kraftangan Negara.

“Selain daripada mengikuti pengajian akademik pelajar juga perlu mendekati dan mempelajari bidang kraftangan supaya mereka boleh mempelbagaikan ilmu, di samping menambah pendapatan

mereka terutama ketika Pandemi COVID-19 melanda dunia dan Malaysia khususnya," ujar Mohd Mahzuz.

Sementara itu, Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Perlis. Mohd Mahzuz berharap perkongsian ilmu melalui Webex ini dapat membuka mata dan peluang kepada pelajar, OKU, Orang Asli dan warga kampus untuk mengetahui secara lebih mendalam mengenai pembuatan kraftangan ini.

Menurutnya, program anjuran Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Perlis melibatkan 80 pelajar dari golongan B40 dan Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang Asli (OA) dan warga kampus.

Prof Madya Dr. Rajwani Md Zain menyeru agar penglibatan pelajar dan masyarakat setempat termasuk mereka yang kehilangan pekerjaan untuk menyertai program Kraftangan Negara yang ditawarkan untuk meningkatkan lagi peluang usahawan, mengasah bakat terpendam dan memperluas keaktifan produk kraftangan tempatan menerusi platform yang disediakan. Beliau mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada Perbadanan Kraftangan Malaysia, Cawangan Perlis dan peserta program kerana menjayakan aktiviti bermanfaat ini walaupun secara atas talian.

Program ini juga turut dibuka kepada paparan umum melalui siaran ulangan di Facebook SSSD dan Youtube



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.